

# Dari Mana Datangnya Perkataan Roti, Capati, Nan dan Perata?

Negara kita terkenal dengan bermacam-macam jenis makanan sehingga mendapat jolokan sebagai syurga makanan di Asia. Masyarakat Malaysia termasuk golongan imigran cukup gemar akan pelbagai jenis makanan yang terdapat di negara ini. Para pelancong juga datang semata-mata kerana mahu menikmati aneka makanan yang terdapat di Malaysia.

**N**amun begitu, adakah semua jenis juadah dan makanan yang terdapat di negara ini milik masyarakat Melayu atau makanan asli Malaysia? Kebanyakan makanan, kuih-muih dan juadah tersebut seolah-olah menjadi sebatian dalam kalangan masyarakat Melayu sehingga makanan tersebut dianggap sebagai makanan ala Malaysia.

Dalam perbincangan ini, asal usul atau sejarah nama bagi beberapa jenis makanan yang datang dari luar negara yang terdapat di negara akan ditelusuri. Makanan jenis ini khususnya dibuat daripada tepung gandum. Jadi, dari manakah datangnya makanan dan namanya itu? Jawapannya akan ditemui dalam ilmu etimologi, iaitu bidang yang menyiasat asal usul perkataan dalam bahasa.

**Roti** merupakan antara makanan utama di negara kita. Kata roti dengan maksud "roti" sudah digunakan oleh masyarakat kita sejak awal tahun 1900 lagi di Tanah Melayu. Namun begitu, roti bukanlah makanan buatan tempatan. Roti merupakan sejenis makanan

yang berasal dari negara India. Kata roti terdapat dalam kebanyakan bahasa di India seperti bahasa Hindi, Urdu, Gujarati dan Marathi.

Walau bagaimanapun, asal usul perkataan ini dapat dijejaki daripada bahasa Sanskrit, "rotika" yang membawa maksud "roti". Roti ini diperbuat daripada tepung atta, iaitu sejenis tepung. Oleh sebab kemasukan orang India ke Tanah Melayu, perkataan roti dan makanan itu sudah termasuk dalam bahasa dan budaya Melayu.

Kini, pelbagai jenis roti dijual di bakeri, iaitu kedai roti. Bakeri merupakan kata baharu dalam bahasa Melayu yang dipinjam daripada bahasa Inggeris, *bakery*. Kata tersebut sudah digunakan sejak tahun 1820 dalam bahasa Inggeris dengan maksud "tempat membuat roti". *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005) pertama kali memuatkan perkataan ini dengan memberikan takrif bakeri sebagai tempat atau kilang yang membuat roti, kek, pastri dan lain-lain.

Ada juga makanan seperti **sandwic** dihasilkan daripada roti. Perkataan *sandwic* juga perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris, *sandwich*. Kata tersebut sudah terdapat dalam bahasa Inggeris sejak tahun 1841 lagi. *Sandwic* bermaksud "makanan yang terdiri daripada dua keping roti atau lebih yang berkepit dan berisi lauk seperti sardin dan telur di tengah-tengahnya". Biasanya, *sandwic* menjadi hidangan semasa sarapan pagi ataupun sebagai makanan ringan sebelum makan tengah hari atau makan malam.

Dalam pada itu, terdapat juga beberapa jenis roti buatan daripada tepung atta, termasuk roti canai, roti nan, capati, roti perata, roti bakar, roti Benggali, roti jala, roti paun, roti Perancis, roti kirai, roti kukus dan roti kering. Antaranya termasuklah yang berasal dari luar negara terutamanya dari benua kecil India. Seperti yang dijelaskan pada awal tadi, roti berasal daripada kata Hindi yang membawa maksud roti yang dibuat daripada tepung gandum. Beberapa jenis roti lain yang dihasilkan seperti roti canai, roti capati, roti nan dan roti perata merupakan makanan yang datang dari luar negara, khususnya dari India.

**Roti canai** merupakan hidangan sarapan pagi paling popular yang dinikmati oleh masyarakat Malaysia. Perkataan "canai" sebenarnya datang daripada perkataan "saanai" dalam bahasa Tamil dengan maksudnya "sejenis kuih bulat yang sudah dimasak". Dengan demikian, roti canai terdiri daripada dua kata pinjaman, iaitu roti (Hindi) + canai (Tamil). Kini, terdapat beberapa jenis roti canai, termasuk roti canai telur, roti canai sardin, roti canai planta, roti canai telur bawang dan roti canai banjir di kedai makan seluruh negara.

**Capati** ialah sejenis roti nipis yang dibuat daripada tepung atta. Capati merupakan makanan kegemaran masyarakat Malaysia. Capati sejenis roti yang berasal dari negeri



Beberapa jenis roti seperti roti canai, roti nan dan roti perata merupakan makanan yang datang dari luar negara.

Punjab, India. Di India dan Pakistan makanan ini disebut "chapati". Ada kalanya capati dirujuk secara umum sebagai "roti" sahaja. Capati merupakan makanan utama bagi masyarakat India Utara dan Pakistan. Hidangan setiap hari sewaktu makan malam ialah capati berserta kari dal.

Satu lagi makanan yang dibuat daripada

tepung ialah **roti nan**. Kata nan berasal daripada negara Parsi. Kemudian, kata nan diterima masuk dalam bahasa Hindi kerana makanan ini juga diminati oleh orang India. Roti nan kini menjadi salah satu makanan kegemaran dalam kalangan masyarakat di negara ini.

**Perata** ialah sejenis roti leper berbentuk bulat atau segi empat yang adunan tepungnya ditebar, dilipat dan kemudian dimasak. Kata perata disesuaikan ejaan daripada "paratha", bahasa Hindi. Di India Selatan pula, perata disebut "parota". Perata juga merupakan salah satu makanan luar negara yang terkenal dan suka dinikmati oleh rakyat Malaysia. Biasanya, perata dengan gulai daging, udang, dan bercampur kacang dal, terung serta ubi kentang.

Demikianlah antara asal usul beberapa perkataan bagi makanan yang diperbuat daripada roti atau tepung gandum yang terdapat di negara kita. Walaupun makanan ini berasal dari luar, namun kini makanan tersebut bagaikan makanan tempatan kerana dinikmati oleh semua golongan masyarakat di Malaysia. Justeru, etimologi bagi nama jenis makanan hendaklah diketahui oleh segenap lapisan masyarakat. **P3**